

26 FEB 2001

Osu-Penggiliran

OSU NASIHAT KAKITANGAN AWAM JANGAN FIKIR SANGAT SOAL PENGGILIRAN

KOTA KINABALU, 26 Feb (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Osu Sukam hari ini meminta kakitangan awam di negeri ini supaya menumpukan perhatian terhadap tugas mereka dan tidak terlalu memikirkan soal penggiliran jawatan Ketua Menteri.

Katanya walau apapun yang akan diputuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung sistem itu, apa yang penting ialah kerajaan negeri sekarang akan terus berfungsi seperti biasa.

"Mereka tidak harus fikir sangat sama ada penggiliran diteruskan atau tidak sebaliknya mereka perlu memberi tumpuan kepada tugas-tugas seharian," katanya kepada pemberita di sini.

Menurut beliau perkara mengenai sistem penggiliran berkenaan telah diserahkan kepada Perdana Menteri untuk diputuskan.

Osu sebelum itu merasmikan majlis pecah tanah projek pembangunan sembilan blok pangsapuri kos sederhana dan 60 unit bangunan industri ringan di Inanam, dekat sini.

Projek berkenaan adalah usahasama antara agensi kerajaan negeri Warisan Harta Sabah Sdn Bhd serta pemaju tempatan Hajat Melangit Sdn Bhd dan Wah Mie Group.

Antara kemudahan yang ditawarkan kepada pembeli unit-unit kediaman dan bangunan industri bagi projek yang keseluruhannya dianggar bernilai RM60 juta itu ialah harga yang ditawarkan adalah termasuk kos-kos berkaitan urusan jual-beli, duti stem dan sebagainya.

Menurut Osu, pemaju juga telah memberi kesanggupan mereka untuk tidak memindahkan sebarang kos termasuk faedah pinjaman kepada pengguna sekiranya berlaku kelewatan dalam penyiapan projek berkenaan.

-- BERNAMA

JS RI